

RM59.6 juta kerugian kes tipu di Selangor

Seramai 1,700 keldai akaun ditahan dalam tempoh enam bulan

Oleh MOHD HARIS FADLI
MOHD FADZIL
SHAH ALAM

Sebanyak RM59.6 juta kerugian melibatkan penipuan jenayah komersial dicatatkan di Selangor berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini.

Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed berkata, sebanyak 1,354 kes jenayah komersial melibatkan penipuan dalam talian, manakala 428 kes penipuan secara bersemuka telah dilaporkan dan disiasat sepanjang tempoh tersebut.

"75 peratus kes melibatkan penipuan dalam talian dengan jumlah kerugian berjumlah RM59.2 juta dan jenis penipuan paling kerap dilaporkan adalah Macau Scam dengan ada kes yang melibatkan kerugian jutaan ringgit.

"Dalam tempoh tersebut, seramai 1,700 individu telah ditahan di mana kebanyakannya berperanan sebagai keldai akaun," katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Kempen Anti Scam PDRM peringkat Kontinjen Selangor di Hotel Concorde di sini pada Rabu.



Arjunaidi (dua dari kiri) melancarkan Kempen Anti Scam PDRM di Hotel Concorde, Shah Alam pada Rabu.

Mengulas lanjut, Arjunaidi berkata, sebanyak 392 papan tanda elektronik di seluruh Selangor akan memainkan klip video berkaitan Kempen Anti Scam selama sebulan dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menurutnya, setiap lapisan masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing dan bekerjasama dalam memberi kesedaran kepada orang ramai berkenaan penjenayah dalam talian.

"Kajian PDRM mendapati orang ramai yang menjadi mangsa *scammer* ini adalah disebabkan kurang

kesedaran berkenaan modus operandi dan taktik digunakan *scammer* terabit.

"Polis Selangor menyedari bahawa masyarakat memiliki kesedaran tentang modus operandi *scammer* merupakan cara terbaik mencegah jenayah dalam talian daripada terus berlaku," jelasnya.

Tambah beliau, pihak polis turut menghadapi kesukaran untuk mendakwa dalang sindiket penipuan dalam talian terbabit di mahkamah kerana undang-undang sedia ada yang tidak selari dengan perkembangan teknologi semasa.